



HASSAN AHMAD (HASSAN BANDUNG)

Oleh: Shukor Mat

Nama ringkasnya disebut sebagai A. Hassan. Nama ini tidak asing lagi kepada penduduk di Utara Semenanjung pada tahun-tahun 1930an-1950an. Beliau semakin popular selepas diadakan Muzakarah As-Sunnah kali pertama pada tahun 1949. Muzakarah ini diadakan di Sekolah Tinggi Chun Ling, Air Hitam, Pulau Pinang. Hassan Bandung dan Mufti Singapura telah memberikan syarahan dalam muzakarah tersebut.¹

Di antara tokoh-tokoh As-Sunnah Perlis yang menghadiri muzakarah berkenaan termasuklah Haji Mokhtar Ismail, Syeikh Abu Bakar, Ustaz Salleh Osman, Ustaz Abu Bakar Hamzah, Dato' Wan Ahmad, Haji Abdul Ghani Dato' Sakti, Cikgu Hashim Mambang, Fakhid Sidin, Tok Kak Kecil, Penghulu Ahmad Musa, Haji Mat Hakim, Wahab Abdullah dan Haji Alwi.² Mereka hadir untuk mengetahui secara lebih dekat

mengenai As-Sunnah daripada Hassan Bandung sendiri kerana selama ini hanya mendapati isi pelajaran tauhid dan ibadatnya melalui majalah dan akhbar seperti Al-Fatwa dan Al-Lisan sahaja.

Hassan dilahirkan pada tahun 1833 di Singapura, dibesarkan dalam keluarga yang kuat bekerja dan terpelajar. Ayahnya berharap agar beliau menjadi cerdik-pandai yang produktif dan terkenal melalui penulisan karya yang berfaedah kepada orang-orang Islam. Cita-cita ini disemai dengan mendidik beliau belajar Al-Quran, ilmu bahasa dan agama sejak usianya 7 tahun.³ Pendidikan beliau menghasilkan buahnya apabila mencapai usia 17 tahun, Hassan telah menguasai berbagai ilmu pengetahuan dan bahasa, terutama sekali bahasa Arab, Melayu, Tamil dan Inggeris. Sungguhpun demikian beliau terus menimba ilmu daripada beberapa orang ulama tersohor seperti Syeikh Said Abdullah al-Munawi al-Mausili, Syeikh Ibrahim India, Haji Ahmad Kampung Tiung, Haji Muhammad Taib Kampung Rokoh, Haji Hasan dan Haji Abdul Latif.⁴

Semasa remaja beliau belajar bertukang, bertenun dan membantu ayahnya di percetakan. Sewaktu berusia 21 tahun telah berpengalaman menjadi guru, menjadi pedagang tekstil dan bertugas sebagai anggota redaksi majalah Utusan Melayu. Karyanya yang pertama dimuatkan dalam akhbar Utusan Melayu, terbitan Singapura (1909). Buah fikirannya segera menarik perhatian berbagai pihak. Beliau tergolong ke dalam kumpulan modenisme, sesuai dengan perkembangan Islam pada masa tersebut. Bahan bacaan utamanya diambil daripada pemikiran Muhammad Abduh dan Rasyid Rida dari Mesir yang terdapat dalam majalah Al-Manar. Begitu juga buah fikiran Wahabiyah dari Semenanjung Tanah Arab turut mempengaruhi fikirannya. Lain-lain majalah bacaannya ialah Al-Iman dari Singapura dan Al-Manar dari Padang, Sumatera Barat.⁵

Pada tahun 1921 beliau ke Surabaya berdagang tekstil. Bapa saudaranya yang juga gurunya, Haji Abdul Latif memintanya menguruskan kedai tekstil di Surabaya. Semasa berada di sana beliau terlibat dalam perbincangan isu semasa dan pertentangan pendapat antara ulama golongan tradisional dengan golongan moden. Mulanya Hassan tertarik dengan ulama Surabaya yang mewakili golongan tradisional seperti Kiai Wahab Hasbullah, tetapi akhirnya dia merasakan tidak sesuai kerana perbezaan pemikiran dan pengalaman. Setelah itu beliau meninggalkan golongan tradisional yang kemudian secara kebetulan beliau bertemu pula dengan Kiai Haji Fakhid Hashim, seorang ulama pembaharuan dan pedagang dari Barat. Pergaulan mereka yang rapat telah melahirkan satu aliran pemikiran moden.⁶

1. Shukor Mat, *As-Sunnah di Perlis*, hlm, 43-44

2. Shukor Mat. *Ibid*

3. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jld.2, hlm.866

4. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, *Ibid*

5. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, *Ibid*.

6. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, *Ibid*.

"Perdagangan yang dijalankan Hassan gagal, lalu beliau pulang menemui bapa saudaranya, Haji Abdul Latif. Pada masa itu Surabaya sedang hangat sebagai pusat pertentangan faham antara Kaum Tua dan Kaum Muda"

Perdagangan yang dijalankan Hassan gagal, lalu beliau pulang menemui bapa saudaranya, Haji Abdul Latif. Pada masa itu Surabaya sedang hangat sebagai pusat pertentangan faham antara Kaum Tua dan Kaum Muda. Bapa saudaranya, Haji Abdul Latif telah memberi peringatan supaya Hassan tidak lagi berhubung dengan Fakih Hashim yang dianggapnya seorang Wahabi kerana membawa isu-isu kontroversial seperti "falsafah niyyat", "talqin", "tahlil" dan lain-lain ke Surabaya.⁷

Semasa Hassan menemui Kiyai A.Wahab, seorang tokoh utama Nahdatul Ulama beliau mendapat maklumat mengenai ketegangan antara Kaum Tua dengan Kaum Muda. Contohnya Kiyai tersebut mengemukakan masalah usalli, yang dipertahankan oleh Kaum Tua tetapi ditentang oleh Kaum Muda. Teruslah Hassan menyelidik masalah tersebut dengan teliti. Bagi Hassan agama haruslah bersumber pada Al-Quran dan Sunnah Rasul. Dalam penyelidikan tersebut beliau mendapati bahawa "talafuzh niyyat" sebelum solat itu tidak bersumber daripada Al-Quran mahu pun dari As-Sunnah, melainkan semata-mata penambahan baru oleh para ulama zaman kemudian. Maka dengan penemuan itu Hassan membuat kesimpulannya sendiri bahawa dalam hal tersebut Kaum Muda yang betul.⁸

Dalam tahun 1924 Hassan pindah ke Bandung, tinggal bersama-sama keluarga Kiai Haji Mahmud Yunus, salah seorang pengasas gerakan Persatuan Islam (PERSIS). Oleh itu secara tidak langsung, Hassan turut serta di dalam gerakan moden Islam di Bandung. Beliau semakin terkenal sebagai ulama yang faqih dalam ilmu fikah, usul fikah, tafsir hadith dan Al-Quran. Beliau merupakan ulama yang teguh pendirian dan ahli debat yang tiada tandingannya.⁹ Di Bandung Hassan menjadi ulama PERSIS yang terkenal. Kefaqihannya menyebabkan ramai golongan terpelajar Bandung berguru dan menjalin persahabatan yang akrab dengannya Di antara mereka ialah M.Natsir, Isa Anshary dan E.Z.Muttaqien yang kemudian menjadi pemimpin Islam terkenal di Indonesia.

Tafsir Al-Quran yang ditulis oleh Hassan berjudul Al-Furqan mengalami ulang cetak yang berterusan, hinggan pemerintah Arab Saudi telah memperbanyakkan cetakannya untuk dibahagi-bahagikan kepada jemaah haji dan umat Islam di Indonesia. Setelah 17 tahun tinggal di Bandung, pada tahun 1941 beliau berpindah ke Bangil, Jawa Timur. Di sana beliau mendirikan pesantren dan menceburi bidang penulisan, dakwah dan berbincang mengenai keagamaan. Antara hasil karyanya di Bangil ialah Kitab Soal Jawab Tentang Agama, Pengajian Solat, Al-Faraid, Al-Tauhid dan Tafsir Al-Furqan. Ketika berada di Makkah, Hassan jatuh sakit dan penyakitnya berpanjangan hingga beliau pulang ke tanah airnya. Beliau meninggal pada tahun 1958 ketika berusia 71 tahun, selepas dua tahun pulang daripada menunaikan haji. Karya-karya utama beliau yang telah dinyatakan itu telah memberi semangat baru kepada dunia Islam.

7. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islah di Perlis Sejarah dan Pemikiran*, hlm. 123. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Ibid*. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Ibid*.

8. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Ibid*

9. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Ibid*

Rujukan:

1. Sidang Pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka, *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.
2. Abdul Rahman Haji Abdullah *Gerakan Islah di Perlis Sejarah dan Pemikiran*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd, K.Lumpur, 1989.
3. Shukor Mat, *As-Sunnah di Perlis*, Penerbitan Media One, Kangar 2001.

" Dalam tahun 1924 Hassan pindah ke Bandung, tinggal bersama-sama keluarga Kiai Haji Mahmud Yunus, salah seorang pengasas gerakan Persatuan Islam (PERSIS). Oleh itu secara tidak langsung, Hassan turut serta di dalam gerakan moden Islam di Bandung "